

## Lembaran Pendedahan Produk

**Insurans Liabiliti Awam**

(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli insurans ini. Pastikan anda juga telah membaca terma dan syarat am.)

**1. Apakah produk ini?**

Polisi ini menanggung rugi terhadap liabiliti undang-undang anda kepada pihak ketiga berkaitan dengan perniagaan anda.

**2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?**

Polisi ini meliputi liabiliti undang-undang anda untuk membayar pampasan berkenaan dengan: -

- Kecederaan tubuh badan termasuk kematian atau penyakit kepada pihak ketiga
- Kerugian atau kerosakan pada harta pihak ketiga akibat daripada kemalangan dan berkaitan dengan perniagaan anda.

Selain itu, Polisi ini juga meliputi kos litigasi dan perbelanjaan yang ditanggung dengan persetujuan bertulis Syarikat.

**Nota:**

- Manfaat yang dibayar di bawah Polisi yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk kepada Brosur TIPS PIDM atau hubungi Berjaya Sompo Insurance Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).
- Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk ciri dan manfaat lengkap produk.

**3. Apakah Tempoh Perlindungan dan Pilihan Pembaharuan?**

Tempoh perlindungan adalah selama (1) satu tahun. Anda perlu memperbaharui Polisi insurans anda setiap tahun.

**4. Berapakah premium yang perlu saya bayar?**

Jumlah premium yang perlu dibayar mungkin berbeza bergantung pada had liabiliti, jenis perniagaan anda, pengalaman tuntutan dan keperluan pengunderaitan kami.

**5. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?**

Apa yang anda perlu bayar selain daripada premium	Amaun
Duti Setem	RM 10.00
Cukai Perkhidmatan	6% dan/atau 8% daripada premium (#)

#Cukai perkhidmatan baru 8% akan dikira secara prorata berkuat kuasa mulai 01 Mac 2024 dan seterusnya.

Apa yang termasuk dalam premium	Amaun
Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)	Sehingga 25% daripada premium

Sila rujuk kepada pengiraan komisen di bawah yang disediakan untuk tujuan ilustrasi sahaja.

Premium tahunan ialah RM1,000.00. Oleh itu, komisen, iaitu 25% daripada RM1,000.00, adalah RM250.00.

**6. Apakah antara terma dan syarat utama yang perlu saya ketahui?****• Kewajipan Pendedahan****Kontrak Insurans Pengguna**

Menurut Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, anda mesti mengambil langkah munasabah untuk menjawab semua soalan dengan lengkap, tepat dan jujur sebaik pengetahuan anda. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memaklumkan kami tentang sebarang perubahan dalam butiran atau maklumat yang diberikan kepada kami sebelum kami mengeluarkan Polisi kepada anda, atau sebelum anda memperbaharui atau mengubah mana-mana terma Polisi anda. Jika anda gagal berbuat demikian, Polisi anda mungkin akan dibatalkan atau dianggap tidak wujud, atau tuntutan anda mungkin ditolak atau tidak dibayar sepenuhnya.

**Kontrak Insurans Bukan Pengguna**

Menurut Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar serta syarat insurans anda. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memaklumkan kami tentang sebarang perubahan dalam butiran atau maklumat yang diberikan kepada kami sebelum kami mengeluarkan Polisi kepada anda, atau sebelum anda memperbaharui atau mengubah mana-mana terma Polisi anda. Jika anda gagal berbuat demikian, Polisi anda mungkin akan dibatalkan atau dianggap tidak wujud, atau tuntutan anda mungkin ditolak atau tidak dibayar sepenuhnya.

**• Perubahan Risiko**

Anda mesti mendedahkan sebarang perubahan dalam fakta penting yang anda ketahui atau patut ketahui yang mungkin menjejaskan profil risiko dari semasa ke semasa, jika tidak, Polisi anda mungkin dibatalkan. Anda perlu memastikan bahawa borang cadangan dilengkapi dengan tepat kerana ia merupakan asas kepada kontrak insurans. Anda mesti memaklumkan ejen anda atau kami secara bertulis mengenai sebarang perubahan penting semasa tempoh Polisi supaya pindaan yang diperlukan akan disahkan pada Polisi anda.

- **Lebih / Deduktibel**  
Ini adalah amaun yang perlu ditanggung oleh anda sekiranya berlaku tuntutan (jika berkenaan).
- **Jaminan Premium**  
Premium yang perlu dibayar mesti dibayar dan diterima oleh kami dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan perlindungan. Kegagalan untuk membayar premium dalam tempoh ini boleh menyebabkan Polisi dibatalkan secara automatik dan kami berhak menerima premium yang diproratakan enam puluh (60) hari daripada anda untuk tempoh perlindungan enam puluh (60) hari yang kami telah sediakan.
- **Pembayaran Premium**  
Pembayaran boleh dilakukan melalui Kad Kredit atau Pembayaran Dalam Talian kepada Berjaya Sampo Insurance Berhad. Sila simpan resit premium yang telah dibayar sebagai bukti pembayaran untuk rujukan masa hadapan.
- **Pembaharuan Polisi**  
Bergantung pada keadaan kerugian atau tuntutan yang dilakukan semasa tempoh Polisi, kami mungkin menyemak terma dan syarat Polisi selepas pembaharuan ataupun menolak sebarang pembaharuan.
- **Had Indemniti**  
Sila pastikan bahawa had liabiliti adalah mencukupi.
- **Tuntutan**  
Apabila berlakunya kemalangan yang menimbulkan tuntutan, anda perlu memaklumkan kami secara bertulis dengan serta-merta.

**Nota: Senarai ini bukan senarai yang lengkap. Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.**

**7. Apakah pengecualian utama di bawah Polisi ini?**

Polisi ini tidak melindungi sebarang liabiliti yang timbul daripada:-

- Perang, keganasan dan risiko nuklear;
- Asbestosis, asap, pencemaran dan kontaminasi;
- Denda, penalti, ganti rugi punitif yang diberikan oleh mahkamah undang-undang.

**Nota: Senarai ini bukan senarai yang lengkap. Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk senarai penuh pengecualian.**

**8. Bolehkah saya membatalkan Polisi saya?**

Anda boleh membatalkan Polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, kami akan mengekalkan premium minimum sebanyak RM75.00, dan membayar balik premium yang diproratakan kepada anda. Walau bagaimanapun, premium tidak akan dibayar balik jika terdapat tuntutan yang telah dibayar atau dikemukakan kepada kami semasa tempoh Polisi.

**9. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada butiran hubungan/peribadi saya?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kami tentang sebarang perubahan dalam butiran hubungan/peribadi anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Anda boleh memaklumkan pejabat cawangan atau Pusat Khidmat Pelanggan kami.

**10. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Insurans ini, sila hubungi pejabat cawangan atau Pusat Khidmat Pelanggan kami di 03-2170 7300 semasa waktu operasi dari 8:30 pagi hingga 5:00 petang (Isnin-Jumaat) atau hubungi nombor Bebas Tol kami seperti yang dinyatakan di bahagian bawah halaman ini.

**11. Apakah jenis produk insurans am lain yang boleh didapati?**

Tiada.

**NOTA PENTING:**

ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU LANGSUNG HUBUNGI SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang disediakan dalam pendedahan produk ini cuma penerangan ringkas untuk rujukan yang cepat dan mudah. Terma dan syarat lengkap yang digunakan adalah terkandung dalam Kontrak Polisi.

Berjaya Sampo Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah bermula 26 Februari 2024.